

# REXOM<sub>TM</sub> BROMHEXINE TABLET

Bromhexine Hydrochloride (8mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan REXOM<sub>TM</sub> Bromhexine
2. Bagaimana REXOM<sub>TM</sub> Bromhexine berfungsi
3. Sebelum mengambil REXOM<sub>TM</sub> Bromhexine
4. Cara mengambil REXOM<sub>TM</sub> Bromhexine
5. Semasa menggunakan REXOM<sub>TM</sub> Bromhexine
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM<sub>TM</sub> Bromhexine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan REXOM<sub>TM</sub> Bromhexine

Untuk merawat keadaan saluran pernafasan yang berkaitan dengan pengekalan rembesan mukus seperti kerengsaan pada saluran pernafasan dan asma, sebagai bantuan untuk mengeluarkan mukus.

## Bagaimana REXOM<sub>TM</sub> Bromhexine berfungsi

REXOM<sub>TM</sub> Bromhexine membantu melegakan dada dengan menipiskan lendir dalam saluran pernafasan anda.

## Sebelum menggunakan REXOM<sub>TM</sub> Bromhexine

**-Bila tidak boleh menggunakan**  
Ia tidak boleh digunakan jika anda hipersensitif kepada Bromhexine atau komponen lain dari formulasi itu.

**-Sebelum menggunakan ubat ini**  
Harus digunakan dengan berhati-hati pada individu yang mempunyai ulser gastrik.

**Mengandung dan menyusukan anak**  
Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

**-Jika mengambil ubat-ubat lain**  
Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk ubat-ubatan yang anda dapatkan tanpa

preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

## Cara mengambil REXOM<sub>TM</sub> Bromhexine

### -Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan REXOM<sub>TM</sub> Bromhexine seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu rujuk dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

### Dos biasa

Dewasa: 8-16mg.  
Kanak-kanak 6-12 tahun: 4mg

### -Bila perlu diambil

Untuk diambil 3 kali sehari. Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan REXOM<sub>TM</sub> Bromhexine seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

### -Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan REXOM<sub>TM</sub> Bromhexine

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan REXOM<sub>TM</sub> Bromhexine.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi REXOM<sub>TM</sub> Bromhexine dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan mesin sehingga anda tahu bagaimana kesan REXOM<sub>TM</sub> Bromhexine terhadap anda.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, REXOM<sub>TM</sub> Bromhexine boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Jika kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat ini dan rujuk doktor.

Beritahu doktor anda jika anda dapati mana-mana kesan sampingan berikut atau mengalami apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- Gastrostus
- Peningkatan dalam aminotransferase ujian darah

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my)

(Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

# **REXOM<sub>TM</sub> BROMHEXINE TABLET**

Bromhexine Hydrochloride (8mg)

---

## **Cara penyimpanan dan pelupusan**

### **REXOM<sub>TM</sub> Bromhexine**

#### -Penyimpanan

Pastikan penutup ditutup ketat. Simpan di antara 15-30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

#### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

Tablet putih, bulat dan berskor pada satu belah.

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Bromhexine Hydrochloride

- Bahan-bahan tidak aktif

Lactose, Corn starch, Starch, Magnesium stearate dan Deionized water.

### -Nombor MAL

MAL19911361XZ

## **Pengilang dan Pemegang**

### **Pendaftaran Produk**

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park  
Phase 4, 11900 Penang,  
Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RIMUP**

17/10/2017

## **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)161017/00272